

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN
BIL. 2 TAHUN 1998**

**SERAH BALIK TANAH LOT-LOT UNTUK KEGUNAAN AWAM
HASIL DARIPADA PECAH SEMPADAN TANAH**

1. Arahan ini adalah dikeluarkan untuk makluman dan tindakan semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Kelantan supaya lot-lot tanah untuk kegunaan awam seperti tapak surau, tangki air, pencawang letrik, balai raya, tanah lapang dan lain-lain lagi hasil daripada pecah sempadan tanah, diserahkan kepada Kerajaan oleh tuan-tuan tanah.

2. Mengikut amalan sekarang, semua Pihak Berkuasa Negeri meluluskan permohonan serah balik dan beri semula di bawah Seksyen 204D KTN atau 124A KTN atau Pentadbir Tanah/Pengarah Tanah Dan Galian meluluskan pecah sempadan dibawah Seksyen 138 KTN, hanya kawasan yang dijadikan jalan atau parit sahaja yang dianggap sebagai diserahkan kepada Kerajaan. Kawasan-kawasan lain walaupun untuk kegunaan awam seperti surau, balai raya, padang permainan, tangki air dan lain-lain lagi akan terus kekal didaftarkan hakmilik dengan nama tuan-tuan tanah asal.

3. Walau bagaimana pun kesulitan akan timbul dikemudian hari apabila tapak-tapak untuk kegunaan awam hendak dimajukan oleh Kerajaan atau Pihak Berkuasa Tempatan untuk faedah awam. Tuan-tuan tanah masih lagi boleh menuntu hak mereka atau boleh menghalang apa-apa tindakan pembangunan di atas tanah ini walaupun tanah ini telah dicamkan untuk tujuan-tujuan awam yang tertentu.

4. Untuk mengelakkan masalah di para 3 di atas berlaku, Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diminta supaya mengambil tindakan-tindakan berikut :-

a) Diperingkat Permohonan

Semasa pemohon mengemukakan permohonan pecah sempadan, bersama-sama dengan segala dokumen yang lain, hendaklah disertakan satu akaun berkanun bahawa tuan-tuan tanah bersetuju untuk menyerahkan kawasan-kawasan yang dicamkan untuk kegunaan awam kepada Kerajaan.

b) Diperingkat Kelulusan

Setelah permohonan diluluskan dan hakmilik disediakan dan didaftarkan, tuan-tuan tanah hendaklah menandatangani borang-borang 12A KTN (serah balik semua bahagian tanah) bagi tiap-tiap hakmilik kawasan yang dikhaskan untuk kegunaan awam di atas. Hakmilik-hakmilik ini tidak akan dikeluarkan kepada tuan-tuan tanah.

5. Adalah diharapkan dengan peraturan ini tidak akan berbangkit masalah tanah-tanah yang dicamkan untuk kegunaan awam tidak dapat dimajukan.

6. Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh Arahan ini dikeluarkan.

t.t

(Md. Yusuf bin Noh)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri
Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. Y.A.B. Tuan Guru Dato' Menteri Besar, Kelantan
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan
4. Y.B.M. Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan
5. Y.B. Penasihat Undang-Undang, Negeri Kelantan
6. Y.A.Brs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. Y.Brs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. Y.Brs. Ketua Penolong Setiausha Kerajaan Tempatan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,
KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

FAIL : PTG.KN. 3269 JLD.2/ (23)

**BERTARIKH : 27 SYAWAL 1418
25 FEBRUARI 1998**



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN,
BLOK 3, TINGKAT BAWAH
KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU

Telefon: Pejabat 781957
Talian Terus
Pengaroh 781962

Ruj. Kami : PTG.KN.3296 Jld.2/(22)

Bertarikh : 28 Syawal 1418
26 Februari 1998

Ke Majlis,
Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah,
Negeri Kelantan

Tuan,

**Pindaan Kepada Memorandum Arahan Pengarah Tanah
Dan Galian Bil. 1/1998**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas. Memorandum bagi catatan di atas Hakmilik Daftar bagi setiap permohonan Pecah Sempadan atau Pecah Bahagian atau Penyatuan Tanah yang disertakan dengan Arahan di atas didapati tidak lengkap.

2. Bersama-sama ini disertakan satu salinan baru memorandum yang lengkap di mana disebut Seksyen-seksyen dalam Kanun Tanah Negara yang berkaitan iaitu Seksyen 124A, 137(2), 142(2), 148(2) dan 240D(3) KTN.
3. Pentadbir-pentadbir Tanah adalah dikehendaki memotong seksyen-seksyen di atas sebagaimana yang sesuai untuk dibuat catatan di atas Hakmilik Daftar.

Sekian, terima kasih,

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, PEMANGKIN UMAT”

“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM”

Yang menurut perintah,

(Hj.Ab.Aziz b. Hj. Yusoff)
TIMBALAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
bp: PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

s.k. Fail Timbul

**MEMORANDUM BAGI CATATAN DI ATAS HAKMILIK DAFTAR
DI BAWAH SEKSYEN 124A, 137(2), 142(2), 148(2)
DAN 204D(3) KTN.***

Daripada : Kepada :
.....
.....

Satu permohonan telah diterima bagi tujuan permohonan Tukar Kategori/Syarat Nyata Dan Pecah Sempadan Serentak, Pecah Sempadan, Pecah Bahagian, Cantuman dan Serah Balik Dan Beri Milik Semula di bawah Sek. 124A, Sek.137, Sek.142, Sek.148 dan Sek.204A KTN* bagi tanah di dalam Jadual di bawah ini. Permohonan ini telah diaturkan dengan fail

2. Sila buat catatan di bawah Sek. 1124A/Sek. 137(2)/Sek. 142(2)/Sek. 148(2)/ Sek.204D(3) KTN* di atas Dokumen Hakmilik Daftar hakmilik tersebut.

.....
Pentadbir Tanah

Jadual

Jenis dan No. Hakmilik	No.Lot/P.T.	Bandar/Pekan/Mukim Jajahan
---------------------------	-------------	----------------------------

Daripada: Kepada:
.....
.....

Catatan di atas telah selesai dibuat di atas hakmilik daftar pada

Pembantu Tadbir
(Pendaftaran)
t.t

Pendaftar/Pentadbir Tanah
Hakmilik

(Borang ini hendaklah disediakan dalam 3 salinan)

- 1 salinan untuk fail
- 2 salinan untuk dihantar ke Pejabat Daftar/Bahagian Pendaftaran. Pejabat Pendaftar/Bahagian akan mengembalikan 1 salinan borang ini setelah tindakan catatan di bawah Sek. 124A/Sek. 137(2)/Sek. 142(2)/Sek/148(2)/Sek.204A(3) KTN selesai)

*Potong sebagaimana yang sesuai